

TERENGGANU

TDM Bayar Perkongsian Keuntungan RM1.87 Juta Kepada LTAWNT

27/10/2021 - by Admin UT - Leave a Comment


[Facebook](#)
[Twitter](#)
[WhatsApp](#)
[Messenger](#)
[Email](#)
 Like 0

KUALA TERENGGANU – Kumpulan TDM Berhad yang merupakan anak syarikat kerajaan negeri Terengganu melunaskan pembayaran perkongsian keuntungan usaha sama berjumlah RM1.87 juta kepada Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT).

Pengarah Eksekutif TDM, Najman Kamaruddin, berkata, pembayaran tersebut merupakan keuntungan usaha sama terhadap ladang kelapa sawit seluas 1,336 hektar di Air Putih, Kemaman bagi tahun kewangan 2020.

"TDM menguruskan ladang kelapa sawit milik LTAWNT sejak tahun 1996. Walaupun berhadapan dengan cabaran pandemik Covid-19, kita telah menunjukkan ketahanan dengan menampilkan prestasi cemerlang dalam segmen perladangan.

"Hasilnya TDM dapat menjana perkongsian keuntungan lebih besar untuk dibayar kepada LTAWNT iaitu RM1.87 juta berbanding RM1.05 juta pada tahun sebelumnya," katanya di sini hari ini.

Terdahulu beliau ditemui selepas menyerahkan cek pembayaran perkongsian keuntungan usaha sama tersebut kepada Setiausaha LTAWNT, Nor Azam A. Rahman @ Yusof pada majlis yang disaksikan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Samsuri Mokhtar.

Najman berkata, secara keseluruhannya, segmen perladangan TDM mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM24.8 juta pada tahun kewangan 2020.

Jelas beliau, ia merupakan pemulihan luar biasa berbanding kerugian sebelum cukai sebanyak RM24.5 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan 2019.

"Selain didorong oleh kenaikan harga purata minyak sawit mentah (CPO) dan isirong sawit (CPO), prestasi cemerlang itu jug disumbang oleh pelan perniagaan strategik dan amalan pengurusan risiko berhemah diamalkan TDM sepanjang penularan Covid-19," katanya.

Kredit: Kosmo!

[SEARCH](#)

FOLLOW US

[f Follow Us On Facebook](#)

TERKINI

Penjualan Aset Petronas Tiada Kaitan Bayar Dividen – Mustapa

UMK Peruntuk RM3.4 juta Bangunkan Pusat Teknousahawan

Sasterawan Negara, Kemala Meninggal Dunia

RON97 Naik 10 Sen, RON95 Dan Diesel Kekal

Kawan Gajah Liar Risaukan Pengguna Jalan Raya

RENCANA



Memilih Moratorium Antara Kehendak, Keperluan Mendesak

23/07/2021



Sudah Tiba Masa Kita Belajar 'Hidup' Bersama COVID-19

19/07/2021



Memeta Dunia Di Bumi Serambi Mekah

05/02/2020